

USLUB AL-SAJ' DALAM HADITH RASULLULLAH BERKAITAN DOA

Siti Rohani Jasni

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

E-mel: s_rohani@ums.edu.my

Mohd Hatib Ismail

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

E-mel: mohdhatib@ums.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan elemen linguistik dalam teks keagamaan dengan memberi fokus kepada penggunaan uslub *al-saj'* dalam hadith-hadith Rasulullah s.a.w yang berkaitan dengan doa dalam kitab *Riyad al-Salihin* karya Imam al-Nawawi. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti ciri-ciri *al-saj'* yang terdapat dalam doa Nabi s.a.w serta menganalisis kesan estetika hadith terhadap penghayatan spiritual umat Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis teks terhadap himpunan hadith berkaitan doa. Dapatan awal menunjukkan bahawa penggunaan *al-saj'* dalam doa Nabi s.a.w bukan sahaja menyerlahkan keindahan retorik Islam, malah mencerminkan kehalusan pendekatan komunikasi kemanusiaan yang menyentuh emosi dan membentuk kesedaran rohani dalam jiwa umat baginda s.a.w. Bentuk-bentuk *saj'* seperti *al-mutawāzi* dan *al-murassa'* dalam hadith memperlihatkan keindahan struktur bahasa dan keluasan seni komunikasi Rasulullah s.a.w yang sarat dengan hikmah dan nilai-nilai kemanusiaan sejagat. Kehalusan gaya bahasa ini menjadi cerminan keunggulan dakwah Islam merentasi peredaran zaman dan budaya. Kajian ini diharap dapat memberi pemahaman yang jelas mengenai keindahan uslub *saj' al-saj'* dalam hadith serta menonjolkan keistimewaan gaya bahasa doa berteraskan Turath Islamiy.

Kata kunci: *al-saj'*; hadith; doa; *Riyad al-Salihin*; retorik; turath Islamiy

1. PENGENALAN

Ilmu balaghah merupakan cabang penting dalam kajian bahasa Arab yang menumpukan kepada keindahan penyampaian, kekuatan mesej, dan kesesuaian lafaz dengan makna. Perbincangan balaghah meliputi tiga aspek utama iaitu *ma'ānī*, *bayān*, dan *badī'* yang secara kolektif membentuk kerangka ujaran dari sudut estetika dan retorik. Dalam konteks Islam, ilmu balaghah bukan sahaja digunakan untuk menilai keindahan bahasa al-Quran, tetapi juga berperanan besar dalam memahami keunikan gaya bahasa Rasulullah s.a.w dalam hadith baginda.

Ungkapan Rasulullah s.a.w dalam hadith bukan hanya untuk menyampaikan hukum atau nasihat, bahkan mengandungi uslub bahasa yang tinggi. al-Jurjānī (1958) dan al-Bāqillānī (1954) menegaskan bahawa kefasihan dan balaghah Nabi s.a.w merupakan antara mukjizat linguistik yang menandingi ahli syair Arab pada zaman baginda. Justeru, kajian terhadap unsur balaghah dalam hadith bukan sahaja penting dari sudut bahasa dan stilistik, tetapi memperlihatkan kebijaksanaan Nabi s.a.w dalam menyampaikan ajaran Islam secara hikmah dan berkesan. Pendekatan ini turut membuka ruang bagi penilaian semula terhadap keistimewaan teks-teks hadith sebagai sumber yang bukan sahaja kaya dengan hukum dan nilai agama bahkan juga indah dari sudut penyampaian dan struktur linguistiknya.

Uslub *al-saj'* merupakan salah satu gaya penyampaian bahasa berbentuk prosa bersajak (*rhymed prose*) yang mengandungi rentak bunyi, pengulangan, dan keseimbangan makna. al-Jurjānī (1958) dalam kitabnya *Asrār al-Balāghah* menjelaskan bahawa keindahan *saj'* bukan sekadar pada bunyinya, tetapi pada kesinambungan makna yang mendalam dan halus. Kajian ini bertujuan untuk meneliti bentuk

uslub al-saj' dalam teks-teks hadith berkaitan doa dengan menekankan keindahan stilistik serta peranannya dalam konsep berdoa.

2. USLUB AL-SAJ

Dari segi bahasa iaitu pengulangan bunyi. Manakala dari segi istilah iaitu persamaan di akhir dua ayat atau lebih, pada satu huruf atau lebih, pada satu huruf atau dua huruf atau lebih yang hampir sebutannya. *Al-Saj'* berlaku pada puisi sebagaimana yang berlaku pada prosa. Kaedah untuk mengenali *saj'* adalah dengan melihat kesesuaian huruf akhir dalam dua *fasilah* atau lebih. Ungkapan yang mengandungi unsur *saj'* yang paling baik ialah setiap lafaznya mempunyai keseimbangan.

Pembahagian *al-saj'* terdiri daripada empat bahagian, antaranya *al-Murassa'*; Berlawanan dua lafaz dari segi makna dalam satu *faqrah* prosa pada *wazan* dan *rawinya*, *al-Mutawazi*; persamaan lafaz akhir pada *wazan* dan *rawi*. *Saj'* jenis *Al-Mutawazi* ini terdapat pada ungkapan lafaz " مرفوعة " dan " موضوعة " iaitu persamaan dari segi *wazan* dan *rawi*, *al-Mutarraf*; Perbezaan *fasilah* pada *wazan* dan persamaan pada huruf akhir, dan *al-Mushattar*; Setiap شطر dalam dalam *bayt* mempunyai dua *qafiyah* yang berbeza dengan *qafiyah* pada yang شطر kedua khususnya dalam *syi'ir*.

3. ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Pada bahagian ini akan membincangkan penggunaan uslub *al-saj'* dalam hadith, bahagian ini akan menganalisis beberapa contoh hadith yang mengandungi elemen *saj'* khususnya dalam konteks doa.

Contoh 1:

عَنْ طَارِقِ بْنِ أَشْيَمٍ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ الرَّجُلُ إِذَا أَسْلَمَ عَلَّمَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الصَّلَاةَ، ثُمَّ أَمَرَهُ أَنْ يَدْعُوَ بِهَؤُلَاءِ الْكَلِمَاتِ: ((اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي، وَارْحَمْنِي، وَاهْدِنِي، وَعَافِنِي، وَارْزُقْنِي)) رواه مسلم.

Maksudnya:

Dari Tariq bin Ashyam, katanya “Apabila masuk Islam seorang lelaki, Nabi s.a.w mengajarkannya solat, kemudian diperintahkan untuk berdoa: “Ya Allah ya tuhanku, ampunkanlah aku, rahmatilah aku, berikanlah kepadaku petunjuk, berikanlah kepadaku kesihatan dan kurniakanlah kepadaku rezeki”.

Dalam Hadith ini, doa Rasulullah s.a.w dihiasi dengan unsur *al-saj'* seperti yang terdapat pada kalimah “اغْفِرْ لِي، وَارْحَمْنِي، وَاهْدِنِي، وَارْزُقْنِي” kerana terdapat persamaan pada huruf-huruf akhir setiap kalimah iaitu huruf “ي” dan dinisbahkan pada setiap permohonan doa dengan kata ganti nama *mutakallim* iaitu “أنا”. Unsur *al-saj'* jenis ini dikenali dengan jenis *al-mutarraf* kerana perbezaan *fasilah* pada *wazan* dan persamaan pada huruf akhir. Keadaan ini biasanya berlaku dalam bentuk *syi'ir*.

Contoh 2:

عَنْ مُعَاذٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَخَذَ بِيَدِهِ وَقَالَ: ((يَا مُعَاذُ، وَاللَّهِ إِنِّي لَأُحِبُّكَ)). فَقَالَ: ((أَوْصِيكَ يَا مُعَاذُ لَا تَدْعَنِي فِي ذُبُرِ كُلِّ صَلَاةٍ)) تَقُولُ: ((اللَّهُمَّ أَعِيتِي عَلَى ذِكْرِكَ وَشُكْرِكَ، وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ)) رواه داود بإسناد الصحيح.¹

Maksudnya:

Dari Mu'adh r.a bahawasanya Rasulullah s.a.w, mengambil tangannya dan berkata: "Wahai Mu'adh, demi Allah sesungguhnya aku menyukaimu". Baginda bersabda: "Aku berwasiat kepadamu, janganlah sekali-kali engkau meninggalkan setiap kali selepas solat dengan mengucapkan"- Ya Allah, berilah pertolongan kepadaku untuk tetap berzikir kepadaMu serta bersyukur dan beribadat secara baik kepadaMu".

Ungkapan-ungkapan yang berbunyi "عِبَادَتِكَ - شُكْرِكَ - ذِكْرِكَ", adalah daripada unsur *saj* jenis *al-mutarraf* kerana perbezaan *fasilah* pada *wazan* dan persamaan pada huruf akhir iaitu huruf "ك". Huruf "ك" ini adalah kata ganti nama *mukhatab* bagi "أَنْتَ" yang ditujukan kepada Allah s.w.t.

Contoh 3:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يَقُولُ: ((اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُوعِ، فَإِنَّهُ يَنْسُ الضَّجِيعَ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْخِيَانَةِ، فَإِنَّهَا يَنْسِتُ الْبَطَانَةَ)) رواه أبو داود.²

Maksudnya:

Dari Abu Hurayrah r.a, katanya: Rasulullah s.a.w mengucapkan dalam doanya yang bermaksud: "Ya Allah ya Tuhanku, aku memohon perlindungan kepadaMu dari kelaparan, sesungguhnya kelaparan adalah seburuk-buruk kawan ketika tidur. Aku memohon perlindungan daripada khianat, sesungguhnya khianat adalah seburuk-buruk sifat".

Teks Hadith di atas mengandungi *al-saj* yang diungkapkan dalam *wazan* dan *rawi* yang sama sebagaimana yang dapat dilihat pada perkataan-perkataan di akhir setiap ayat ungkapan "الْخِيَانَةِ", dan "الْبَطَانَةُ". *Al-Saj* jenis ini dikenali dengan *al-Mutawazi*.

Berdasarkan penelitian yang dilakukan, jelas membuktikan bahawa teks-teks hadith Rasulullah s.a.w mengandungi unsur *al-saj* yang indah. Penggunaan *al-saj* baginda terserlah menerusi himpunan doa dan zikir dalam kitab *Riyad al-Salihin*. Contoh-contoh di atas menunjukkan unsur *al-saj* yang terdapat dalam teks-teks Hadith tersebut dikategorikan sebagai *al-saj* jenis *al-mutarraf* dan *al-mutawazi*. Ungkapan *saj* baginda yang mempunyai keseimbangan, lafaz yang ringan, tidak lemah dan sedap didengar.

Kelebihan unsur *al-saj'* merupakan unsur yang mampu menarik perhatian pendengar dengan lantunan huruf dan harakatnya yang mempunyai irama. Unsur *al-saj'* ini bertepatan dengan fungsi zikir dan doa yang bersifat rayuan dan permohonan yang memperlihatkan keindahan dari segi lafaz atau ungkapan. Justeru, ungkapan berbentuk doa ini disampaikan dalam bentuk mesej yang bersifat kepasrahan, kehambaaan dan tawaduk untuk memintal hubungan antara hamba dengan penciptanya.

Ini membuktikan bahawa Rasulullah s.a.w telah mengajarkan kepada umatnya dengan sebaik-baik kalimah atau kata-kata untuk berkomunikasi dengan pencipta makhluknya dengan gaya bahasa yang indah dan mulia. Penggunaan uslub ini mampu membangkitkan perasaan yang lesu, menggoncangkan hati-hati yang lalai, menggilap perasaan sentimental dan kasih sayang terhadap syariat yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w.

4. KESIMPULAN

Kajian ini telah mengetengahkan peranan uslub *al-saj'* dalam memperindah lafaz-lafaz doa Rasulullah SAW seperti yang terkandung dalam *Riyad al-Salihin* karya Imam al-Nawawi. Analisis menunjukkan bahawa gaya *al-saj'* dalam hadith-hadith tersebut bukan sekadar mempamerkan unsur keindahan bahasa, tetapi juga menjadi medium yang efektif dalam menyampaikan mesej yang menyentuh tentang adab berkomunikasi kepada Khaliq yang abadi. Bentuk *al-saj'* seperti *al-mutawāzi* dan *al-murassa'* memperlihatkan keseimbangan bunyi, struktur serta ketepatan makna yang memperkukuh kekuatan retorik dalam doa-doa Baginda SAW. Pengamalan dan penghayatan terhadap mesej doa yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. bukan sahaja dapat memperkukuh diri dengan nilai takwa dan kerendahan hati, tetapi juga mampu meningkatkan hubungan spiritual dengan Allah Ta'ala. Penghayatan terhadap uslub *al-saj'* dalam doa-doa Nabawi membuka jalan kepada pembentukan peribadi rabbani, memperbaiki hubungan dengan Allah, dan meraih kemuliaan hidup yang berlandaskan keredaan-Nya. Justeru itu, umat Islam wajar mendalami dan menghayati doa-doa yang diajarkan oleh Nabi s.a.w agar amalan rohani tersebut benar-benar berfungsi sebagai medium pendidikan jiwa dan pembentukan sahsiah Islam yang unggul dalam era mencabar ini.

5. RUJUKAN

- Badrul Munir Muhamad Nur. (2005). *Kedudukan al-Sunnah dalam Sintaksis Arab*. Bangi: Unit Penerbitan, Kolej Universiti Islam Malaysia.
- al-Bāqillānī, Abū Bakr. (1954). *I'jāz al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Ma'ārif.
- al-Jurjānī, 'Abd al-Qāhir. (1958). *Asrār al-Balāghah*. Beirut: Dār al-Ma'ārif.
- Ma'mun, Mahmud Yasin. 1997. *Min Rawa'ic al-Badi'*. Dubai: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- al-Nawawi. (1999). *Commentary on the Riyad-us-Saliheen*. compiled by al-Imam Abu Zakariya Yahya ibn Sharaf An-Nawawi ad-Dimashqi; Imam Abu Zakariya Yahya ibn Sharaf translated by Muhammad Amin; commentary by Hafiz Salahuddin Yusuf Abu Usamah al-Arabi Razduq tahun 1999. Saudi Arabia: Darussalam.
- al-Nawawi. (1994). *Riyadhus Shalihin; Taman kaum Shalihin dari Sabda Penghulu Sekalian Rasul*. Terj. M. Abdai Rathomy. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- al-Nawawi. (2005). *Kitab Riyad al-Salihin min Kalam Sayyid al-Mursalin*. Tahkik Jama'ah min al-'Ulama'. Bayrut: Muassasah al-Ma'arif.